



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PESTA KANOWIT PLATFORM PENYATUAN MASYARAKAT

Kanowit, 2 November 2025 – Pesta Kanowit dilihat berjaya menjadi platform penyatuan masyarakat tanpa mengira latar belakang etnik, agama mahupun budaya. Perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi satu gaya hidup yang mesti diterjemahkan melalui rasa **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan Kepelbagaian**. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Dato' Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Majlis Penangguhan Pesta Kanowit 2025, hari ini.

Pesta ini turut mempromosikan Daerah Kanowit sebagai satu tarikan pelancong luar bandar. **Slogan “Where Memories Are Made”** menggambarkan bahawa pesta ini menawarkan pelbagai pengalaman bermakna yang akan meninggalkan 1,001 kenangan indah buat setiap pengunjung yang hadir.

YB Dato' Sri Aaron dalam ucapannya berkata, “Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan **mengangkat pembinaan Negara Bangsa sebagai aspirasi baharu dalam memupuk perpaduan rakyat ke arah sebuah negara yang harmoni**. Tambah beliau, sekiranya semangat Negara Bangsa ini terus dipupuk di setiap daerah termasuk di Kanowit maka perpaduan negara akan menjadi lebih kukuh dan bermakna.”

Beliau turut nyatakan “kita akan lahirkan **generasi rakyat Malaysia yang bukan sahaja berbangga dengan identiti etnik masing-masing, tetapi juga berbangga menjadi sebahagian daripada Malaysia**. Inilah visi besar yang ingin kita gerakkan dari Kanowit ke seluruh Malaysia membina negara bangsa yang bersatu, berdaulat dan sejahtera.”

UNTUK SIARAN NEGARA

Pesta Kanowit yang berlangsung sejak 18 Oktober lalu menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Kanowit RC Boat Race Challenge*, *Kanowit Power Race*, pameran jabatan dan agensi kerajaan, unity walk, perarakan gagong, gendang pampat dan Ratu Pesta Kanowit.

Kementerian Perpaduan Negara

2 November 2025

KPN.100-9/1/16 (92)